



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perbekalan Tambahan (1988) 1989
DR.1/1989

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1988) 1989.

Tajuk ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi dua ratus lima puluh sembilan juta tiga ratus tiga puluh satu ribu tujuh ratus ringgit (\$259,331,700) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1988; yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1988.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1988.

Akta A682.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL
(Seksyen 2)

Maksud		Tajuk				Peruntukan kepada maksud
B. 1	...	Parlimen	...	...	...	\$ 759,700
B. 6	...	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	...	...	...	1,108,500
B. 7	...	Jabatan Perdana Menteri	...	...	...	57,756,500
B. 8	...	Jabatan Perkhidmatan Awam	...	...	...	18,338,100
B. 19	...	Kementerian Pertanian	...	...	...	3,000,000
B. 20	...	Kementerian Perdagangan dan Perindustrian	...	...	...	691,700
B. 26	...	Kementerian Pendidikan	...	...	...	119,440,000
B. 30	...	Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun	...	...	...	10,000,000
B. 34	...	Kementerian Kesihatan	...	...	...	25,330,000
B. 36	...	Polis Diraja Malaysia	...	...	...	14,580,000
B. 42	...	Jabatan Percetakan Negara	...	...	...	4,113,600
B. 49	...	Kementerian Pengangkutan	...	...	...	2,213,600
B. 51	...	Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos	...	...	...	2,000,000
JUMLAH						\$259,331,700

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1988 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1988. [PN. (U²) 1538.]